



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 18 SEPTEMBER 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10.	RICE IMPORTERS ENJOY DISCOUNTS, NATION, SIN CHEW DAILY -ONLINE BUSINESS OPERATOR ELIGIBLE FOR DISCOUNT WHILE IMPORTING WHITE RICE, NEWS, GUANG MING DAILY -A4 RICE IMPORTERS GIVEN DISCOUNTS TO COPE WITH RISING PRICES, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A19 GOV'T TO TAKE SEVERAL URGENT MEASURES TO GET DISCOUNTS ON IMPORTED RICE, NATIONA, CHINA PRESS -A4 JACKFRUIT EXPORTS CAN REACH RM22mil, SAYS DEPUTY MINISTER, NATION, THE STAR -2 50,000 HEKTAR KAWASAN BAHARU PADI DI SABAH, SARAWAK JAMIN BEKALAN BERAS PUTIH TEMPATAN, MUKA DEPAN, BH -1 ISU BERAS PUTIH DIJANGKA SELESAI AKHIR TAHUN, NASIONAL, BH -8 50,000 HEKTAR TANAH DI SARAWAK DIBANGUNKAN TANAMAN PADI, NEGARA, KOSMO -4 50,000 HEKTAR TANAH TANAM PADI DI SABAH, SARAWAK, NASIONAL, SH -8 50,000HA EARMARKED FOR BORNEO PADI PLANTING, NATION, THE STAR -14	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
11.	TENGAH BUAL LALAT MASUK MULUT!, LOKAL, HM -10	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
12. 13. 14. 15.	KENAIKAN HARGA BARANG PENCETUS INFLASI MAKANAN, NASIONAL, SH -5 KRISIS BERAS BOLEH JADI BOM JANGKA, CETUSAN, SH -15 KEDAI RUNCIT DI JERANTUT 'KERING' BEKALAN ASAS, NASIONAL, BH -8 UKM GUNA IoT PERKASA SEKTOR PERTANIAN, K2, KOSMO -29	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline Rice importers enjoy discounts
MediaTitle Sin Chew Daily
Date 18 Sep 2023
Section Nation
Page No 8
Language Chinese
Journalist N/A
Frequency Daily

Color Full Color
Circulation 288,920
Readership 866,760
ArticleSize 49 cm²
AdValue RM 1,485
PR Value RM 4,455



(吉隆坡17日讯) 政府已同意向进口白米的贸易商 (BPI) 提供折扣, 以帮助消费者面对白米价格上涨的问题。

农业及粮食安全部稻田与稻米监管组主任拿督阿兹曼表示, 这将允许食品经营者以每50公斤160令吉的批发价购买进口白米。

据《大都会日报》报道, 除了采取增加主


農糧部：減輕消費者負擔 白米進口商享折扣

要超市供应等措施以外, 该部还同意向103个小规模贸易商发放批发许可证。

“我们已确保全国41个联邦农业销售局 (FAMA) 和1400名农民组织的直销店的供应。供应没有问题, 我们也在努力解决这个问题, 以造福所有人。”

他表示, Basmathi米的价格仍将遵循由市场决定的浮动价格制度。

Headline	Business operator eligible for discount while importing white rice		
MediaTitle	Guang Ming Daily		
Date	18 Sep 2023	Color	Full Color
Section	News	Circulation	49,712
Page No	A4	Readership	149,136
Language	Chinese	ArticleSize	233 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,530
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,591



政府減輕消費者負擔 商家進口白米有折扣

（吉隆坡17日讯）政府已同意为进口白米的贸易商（BPI）提供折扣，允许食品经营者以每50公斤160令吉的批发价购买进口白米，以帮助消费者面对白米价格上涨的问题。

农业及粮食安全部稻田与稻米监管组主任拿督阿兹曼表示，除了采取增加主要超市供应等措施以外，该部还同意向103个小规模贸易商发放批发许可证。

103小贸易商获批发许可

“我们已确保全国41个联邦农业销售局（FAMA）和



1400名农民组织的直销店的供应。”

据《大都会日报》报道，阿兹曼表示，白米供应没有问题，该局也正在努力解决这个问题，以造福所有人。

阿兹曼还表示，Basmathi米的价格仍将遵循由市场决定的浮动价格制度。（LPP）

Headline	Rice importers given discounts to cope with rising prices		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	18 Sep 2023	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A19	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	294 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,698
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,094



应对价格上涨

白米进口商获折扣

(八打灵再也 17 日讯) 政府已同意为白米进口商提供折扣, 以协助消费者应对米价上涨的影响。

农业及粮食安全部稻米与白米监管总监阿兹曼马末表示, 这将允许餐饮业者以每 50 公斤 160 令吉的批发价买到进口白米。

根据《大都会日报》报道, 除了采取其他措施, 包括增加主要超市的白米供应量之外, 阿兹曼也指出, 该部已同意向小规模贸易商发放 103 个批发牌照。

“我们已确定全国有 41 个联邦农业销售局 (FAMA) 的销售点和 1400 个农民组织销售点的供应。”

他说, 白米供应没问题, 该部也正为所有人的利益解决此问题。

他也指出, 至于印度香米 (Basmati) 的价格, 则继续受市场价格浮动决定。



农业部已同意向小规模贸易商发放 103 个批发牌照。(档案照)

Headline	Govt to take several urgent measures to get discounts on imported rice	Color	Full Color
MediaTitle	China Press	Circulation	127,822
Date	18 Sep 2023	Readership	383,466
Section	Nation	ArticleSize	219 cm ²
Page No	A4	AdValue	RM 4,320
Language	Chinese	PR Value	RM 12,960
Journalist	N/A		
Frequency	Daily		



政府緊急措施應對漲價 進口米貿易商有折扣

(吉隆坡17日讯) 政府将采取数个紧急措施, 有望在今年底彻底解决白米短缺的问题, 当中包括为进口白米的贸易商提供折扣。

农业及食品安全部稻田与稻米监管组主任拿督阿兹曼指出, 该部同意向103个小规模贸易商发放批发许可证, 允许这些贸易商以每50公斤160令吉批发价购买进口白米。

他今日接受《大都会日报》访问时说, 该部昨天在布城与食肆业者、小贩和相关单位召开会议, 讨论应该采取的紧急措施, 以确保市场的白米供应不受影响。

根据报导, 这些措施包括增加超市供应, 并为进口白米提供折扣。

阿兹曼也说, 如果获得批发许可证, 商会也能出产自己品牌的白米。

“我们也同意印度 Basmathi 品牌香米是特殊大米, 不受进口白米批发价限制, 并遵循市场价格浮动。”

“作为干预措施, 我们也会在全国联邦农业销售局41个分局, 及农民组织局1400个分局设置供应站点。”

“必须明白的是, 供应并不存在问题, 我们正在努力解决, 以保障人民的利益。”

阿兹曼希望通过各机构之间合作, 能够方便公众在现有站点, 获得本地白米供应。



■ 政府已同意向进口白米的贸易商提供折扣。

Jackfruit exports can reach RM22mil, says deputy minister

NANNING: The export value of the Malaysian jackfruit (nangka) could reach RM22.1mil by 2025, says Deputy Agriculture and Food Security Minister Chan Foong Hin following the fruit's debut in China.

"Malaysia's jackfruit exports are

equivalent to RM15mil. After the fresh jackfruit export (to China), it is expected that the export value could reach RM22.1mil by 2025," he said after attending the 20th China-Asean Expo (CAEXPO) in Nanning, China yesterday.

Chan said that he joined

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim on his trip to Nanning, China to attend the CAEXPO and to launch the first shipment of Malaysian jackfruits to China.

"This morning, Anwar launched the opening ceremony of the

Malaysia Pavilion in CAEXPO, which marks the first batch of nangka exports to China," he added. The Malaysian jackfruit for the Chinese market is the J33 variety which is known for its sweetness, crunchy texture and golden yellow colour.

The debut of the jackfruit in China is a milestone as negotiations with Chinese officials had started back in 2004.

China approved the imports in April this year following Anwar's maiden visit to Beijing as prime minister.

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA SURAT

18/9/2023

BERITA HARIAN

MUKA DEPAN

1

50,000 hektar kawasan baharu padi di Sabah, Sarawak jamin bekalan beras putih tempatan

Kuala Lumpur: Seluas 50,000 hektar tanah di Sabah dan Sarawak dikenal pasti untuk dibangunkan sebagai kawasan baharu penanaman padi, sekali gus dapat menjamin bekalan beras putih tempatan untuk jangka panjang.

Bagi menangani kekurangan bekalan makanan ruji hasil sawah domestik ketika ini, bahagian Kawalselia Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) merangka beberapa langkah

segera dan menjangka isu itu dapat diatasi sepenuhnya menjelang penghujung tahun ini.

Untuk projek penanaman padi seluas 50,000 hektar di Sabah dan Sarawak, peruntukan akan dikeluarkan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dan diselaraskan dengan Kementerian Pembedaan Pertanian Sarawak.

Nasional 8



Isu beras putih dijangka selesai akhir tahun

Dari Muka!

Perkembangan itu dimaklumkan Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi selepas menghadiri program Santuni Rakyat di Sekolah Kebangsaan (SK) Haji Bujang di Sebangau, Sebuyau, Sarawak, semalam.

BERNAMA melaporkan, Ahmad Zahid berkata, perkara itu dipersetujui secara prinsip oleh Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Tun Openg, namun pelaksanaan memerlukan sedikit masa.

Katanya, peruntukan projek itu yang akan dikeluarkan KKDW perlu dioptimumkan dengan Kementerian Pemodenan Pertanian Sarawak, selain perlu juga mendapatkan persetujuan pemilik tanah, terutama yang membabitkan tanah adat.

"Jenis padi yang akan dinam pula adalah mengikut kesesuaian tanah di Sabah dan Sarawak. Saya fikir kosnya di sini agak tinggi, namun itu perkara kedua. Apa yang penting, mesti

ada kemampuan sara diri, maknanya 'self sufficiency' untuk bekalan beras," katanya.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, penduduk di kawasan luar bandar dan pedalaman wajib diberi keutamaan untuk sebarang projek pembangunan, terutama di Sarawak, dengan 1.4 juta penduduknya tinggal di kawasan luar bandar dan pedalaman.

"Sarawak sudah mencapai kemerdekaan selama 60 tahun, menjadi tanggungjawab bersama Kerajaan Persekutuan dan negeri membangunkan kawasan luar bandar dan pedalaman," katanya.

Perangkaan setakat 2021 menunjukkan kawasan pertanian padi seluruh Malaysia hanya kira-kira 700,000 hektar berbanding sawah di Thailand dan Vietnam, masing-masing seluas 10 juta hektar dan 7.5 juta hektar.

Isu keberuntungan negara kepada bekalan makanan import turut menjadi tumpuan perbincangan usul Kajian Separuh Pengal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) di Dewan Rak-

yat, minggu lalu.

Antara lain, KPKM digesa merangka pelan jangka pendek dan panjang bagi mengurangkan kebergantungan kepada beras yang kini hanya 65 peratus dikeluarkan dalam negara, termasuk mula menumpukan usaha menghasilkan makanan secara domestik dengan pengemuliharaan agensi dan jabatan berkaitan.

Selain itu, Kementerian berkenaan menerusi agensi berkaitan digesa memastikan bekalan barangan asas sentiasa terjamin, terutama ketika negara berdepan isu keterjaminan makanan sejak pandemik COVID-19 melanda dunia.

Ber 103 lesen borong

Dalam perkembangan berkaitan, Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras KPKM, Datuk Azman Mahmood, berkata isu kekurangan beras putih tempatan dijangka dapat diatasi sepenuhnya menjelang penghujung tahun ini menerusi beberapa langkah segera diambil pihaknya.

Katanya, satu pertemuan bersama pengusaha restoran, peniaga kecil serta pihak berkaitan diadakan di Putrajaya baru-baru ini bagi membincangkan inisiatif segera untuk memastikan bekalan beras tidak terjejas di pasaran.

Beliau berkata, mesyuarat bertujuan untuk memberikan 103 lesen borong kepada pemborong kecil dan melaluinya, pengusaha makanan bermaung di bawah persatuan peniaga makanan dapat membeli Beras Putih Import (BPI) pada harga borong RM160 untuk 50kg (harga pintu gudang).

"Diskaun untuk peniaga membeli beras import bagi tujuan perniagaan adalah antara langkah diambil, selain menambah bekalan beras di pasar raya besar.

"Persatuan juga boleh mengeluarkan jenama sendiri jika berjaya mendapat lesen borong dan ia memberi manfaat dari segi perniagaan mereka.

"Kita juga bersetuju beras 'hasmalthi' adalah beras istimewa dan tidak tertukik kepada antarabangsa.

harga borong BPI, sebaliknya tertukik kepada harga apungan yang ditentukan oleh pasaran semasa," katanya seperti dilaporkan *Harian Metro*, semalam.

Dari segi langkah intervensi, Azman memaklumkan, pihaknya juga menetapkan bekalan di 41 'outlet' Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan 1,400 'outlet' Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di seluruh negara.

Sehubungan itu, beliau yang juga Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan Industri Padi KPKM berharap langkah intervensi menerusi kerjasama antara agensi akan membekalkan orang ramai mendapatkan bekalan beras tempatan di 'outlet' yang disenaraikan.

Terdahulu pada 1 September lalu, Padiberas Nasional Bhd (BERNAS) menyelaraskan harga jualan beras putih import se-luruh negara daripada RM2.350 satu tan kepada RM3.200 satu tan, sejajar dengan harga terkiniberas putih import di pasaran antarabangsa.

50,000 hektar tanah di Sarawak dibangunkan tanaman padi



AHMAD ZAHID (lima dari kiri) sampaikan bantuan Baik Pulih Rumah kepada penerima di Sebangan, Kota Samarahan semalam.

KOTA SAMARAHAN - Seluas kira-kira 50,000 hektar kawasan di Sarawak bakal dibangunkan untuk tanaman padi, bagi meningkatkan lagi pengeluaran padi dalam negara.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, kawasan-kawasan itu sudah dikenal pasti, namun belum dimuktamadkan.

"Pada prinsipnya, Premier Sarawak (Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg) bersejua dan mengenal pasti kawasan-kawasan yang luas tetapi dari segi pelaksanaannya, ia me-

merlukan sedikit waktu.

"Ini kerana peruntukannya kita akan koordinasikan dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan termasuk soal persetujuan dengan pemilik tanah," katanya dalam selepas Program Santuni Rakyat di Dewan Terbuka SK Haji Bujang, Sebangan di sini semalam.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata berdasarkan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), untuk melaksanakan tanaman lima musim dalam dua tahun, ia memerlukan kos yang

tinggi iaitu RM3 bilion.

Namun, beliau berkata, soal kos diletakkan sebagai perkara kedua kerana kepentingan adalah untuk kemampuan sara diri, dengan bekalan beras mencukupi termasuk di Sarawak dan Sabah.

Dalam pada itu, Ahmad Zahid berkata, telah meminta Felcra Berhad untuk membantu mewujudkan estet padi di Sarawak, sebagaimana yang ada di Perak.

"Ada negara pembekal yang telah mula fikir untuk tidak lagi bekalkan beras, kita pelan jangka panjang kita sendiri," jelasnya.

Kerajaan telah kenal pasti kawasan untuk pelaksanaan projek

SEBUYAU

Kawasan seluas 50,000 hektar di Sabah dan Sarawak telah dikenal pasti untuk pelaksanaan projek penanaman padi, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata, perkara itu telah dipersetujui secara prinsip oleh Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Tun Openg namun pelaksanaannya memerlukan sedikit masa.

"Peruntukan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah perlu dikoordinasikan dengan Kementerian Pembedanan Pertanian Sarawak, selain perlu juga dapatkan persetujuan daripada pemilik tanah (untuk pelaksanaan projek), terutamanya yang melibatkan Tanah Adat.

"Jenis padi yang akan ditanam pula adalah mengikut kesesuaian tanah di Sabah dan Sarawak. Saya fikir kosnya di sini agak tinggi, namun itu perkara kedua, apa yang penting mesti ada kemampuan sara diri, maknanya *self-sufficiency* untuk bekalan beras," katanya.

50,000 hektar tanah tanam padi di Sabah, Sarawak



Ahmad Zahid (dua dari kiri) menyerahkan bantuan PPRT Baik Pulih Rumah dan Bakul Makanan kepada penerima, Salhah Sulai (kanan) pada Program Santuni Rakyat di Sekolah Kebangsaan Haji Bujang Sebanggan pada Ahad.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata demikian selepas menghadiri Program Santuni Rakyat di Sekolah Kebangsaan Haji Bujang, Sebanggan dekat sini yang turut dihadiri oleh Timbalan Menteri, Datuk Rubiah Wang serta Menteri Utiliti dan Komunikasi Sarawak, Datuk Juliah Narawi.

Ahmad Zahid berkata, penduduk di kawasan luar bandar dan pedalaman wajib diberikan keutamaan untuk sebarang projek pembangunan terutama di Sarawak dengan 1.4 juta penduduknya tinggal di kawasan luar bandar dan pedalaman.

"Sarawak telah mencapai kemerdekaan selama 60 tahun. Adalah menjadi tanggungjawab bersama Kerajaan Persekutuan dan negeri membangunkan kawasan luar bandar dan pedalaman," katanya.

Ahmad Zahid turut mengumumkan peruntukan RM10 juta khusus bagi pembinaan Pusat Giat Mara di Sebanggan yang akan dilaksanakan pada tahun ini.

- Bernama

50,000ha earmarked for Borneo padi planting

SEBUYAU: A 50,000ha site has been identified in Sabah and Sarawak for rice planting, says Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

He said Sarawak premier Tan Sri Abang Johari Tun Openg had agreed in principle to the matter, but its implementation would take some time.

Ahmad Zahid, who is also the Rural and Regional Development Minister, said the allocation from

the ministry needs to be coordinated with the Sarawak Modernisation of Agriculture Ministry, and the landowner's consent is required, especially when it involves customary land.

"The type of padi to be planted will be decided according to the suitability of the land in Sabah and Sarawak. I think the cost here

is quite high, but that is a different matter. What is important is that there must be self-sufficiency for

the rice supply," he said during the Santuni Rakyat programme at SK Haji Bujang in Sebanggan yesterday.

Also present were his deputy, Datuk Rubiah Wang, and Sarawak Utilities and Communications Minister, Datuk Julaihi Narawi, Bernama reported.

Ahmad Zahid said residents in the rural and interior areas must be given priority for any development project, especially in

Sarawak, where there are 1.4 million rural residents.

"Since Sarawak has achieved independence for 60 years, it is the joint responsibility of the federal and state governments to develop the rural and interior areas," he said.

At the event, Ahmad Zahid also announced a RM10mil allocation for the construction of the Giat Mara Centre in Sebanggan that will be carried out this year.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2023	HARIAN METRO	LOKAL	10

PENDUDUK BANDAR BARU SETIA AWAN PERDANA TERSEKSA AKIBAT PENTERNAKAN AYAM

Tengah bual lalat masuk mulut!

Oleh Noor Hidayah
Tanzizi dan Muhamad
Lokman Khairi
am@hmetro.com.my

Manjung

Serangan lalat yang dipercayai berpunca daripada pengurusan tinja dari beberapa reban ayam berhampiran yang kurang memuaskan menyebabkan penduduk Bandar Baru Setia Awan Perdana (BBSAP) di sini, hidup dalam keadaan tidak selesa dan tertekan.

Penduduk, Nur Syamillah Mat Isa, 33, berkata, dia berpindah ke kawasan perumahan berkenaan lebih setahun lalu terpaksa berdepan isu itu setiap hari dan keadaan paling teruk ketika musim ayam keluar reban.

Menurutnya, situasi itu merunsingkan kerana berisiko tinggi memudartakan kesihatan mereka sekeluarga.

"Setiap kali reban kosong kerana ayam dibawa keluar, bilangan lalat yang datang ke rumah kami bertambah berkali ganda sehingga kelihatan penuh di atas lantai.

"Makanan jangan ceritalah, memang penuh kena hurung sehingga hilang selera hendak makan. Terus rasa makanan kotor dan rasa tak selamat dimakan.

"Tahap nak kata teruk banyaknya lalat ni sehingga waktu bersembang pun dia terbang termasuk dalam mulut," katanya ketika ditemui di sini.

Menurutnya, situasi itu akan berlarutan sehingga sebulan lamanya sehingga musim anak ayam baharu dibawa masuk ke dalam reban.

Syamillah berkata, dia sedia maklum usaha kerajaan negeri bagi mengurangkan masalah gangguan lalat itu dengan yang mewajibkan penternak menukar sistem reban ter-

"Bilangan lalat bertambah berkali ganda jika ayam keluar reban"
Nur Syamillah



NUR Syamillah menunjukkan pelek lalat yang digunakan untuk menangani gangguan serangga berkenaan yang berpunca daripada pengurusan sisa najis reban ayam berhampiran. - Gambar NSTP/MUHAMAD LOKMAN KHAIIRI

buka kepada sistem reban tertutup secara berperingkat menjelang Disember 2025.

Namun, katanya, tempoh itu masih lama dan penduduk tetap perlu menghadap masalah itu bagi tempoh sekurang-kurangnya lebih dua tahun lagi.

"Inisiatif itu bagus, tapi berapa lama lagi kami kena bertolak ansur? Ada dua tahun lagi sebelum sampai ke tarikh itu (9 Disember 2025).

"Banyak aduan pernah dibuat penduduk sebelum ini, tapi belum ada tindakan daripada pihak berwajib yang berjaya menyelesaikan masalah gangguan lalat ini," katanya.

Tinjauan di kawasan Felra Gugusan Lekir di sini juga mendapati penduduk menghadapi masalah yang sama sejak lebih 30 tahun lalu.

Salmiah Ali, 64, yang bekerja sebagai peniaga kedai makan berkata, urusan perniagaannya amat ter-

kesan dek terlalu banyak lalat yang hinggap pada bekas makanan hatta meja kosong sehingga menyebabkan ketidakelesaan dan keraguan pada tahap kebersihan.

"Macam mana mahu berniaga dengan tenang kalau baru sahaja pelanggan duduk, mereka lihat lalat berkerumun di atas meja walaupun baru dilap.

"Felcra ini mula dibuka 1973, ketika itu masalah ini tiada. Cuma bermula awal

tahun 90-an gangguan lalat di sini semakin menjadi-jadi.

"Dulu kedai kami berniaga juga nasi campur, tapi sekarang pelanggan pun sudah kurang. Kami hanya berniaga air dan menjadi tempat persinggahan orang lama membasahkan tekak sahaja," katanya.

Bagi penduduk PR1MA Sitiawan, Rozita Murad, 61, berkata dia dan cucunya dimasukkan ke hospital awal tahun lalu ke-

rana keracunan makanan. "Apa lagi patut kami buat. Belum makan, lalat sudah hinggap pada tudung saji.

"Waktu solat, lalat ni masuk ke dalam kain telekung dan amat mengganggu kami. Tidur pun tak lena kerana lalat masuk ke celah-celah rambut, telinga dan hinggap di muka kami," kata pesara guru itu.

Pada 25 Mei lalu, Dewan Undangan Negeri (Dun) Perak meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Enakmen Perladangan Unggas (Pindaan) 2023 antara lain menaikkan jumlah penalti dan pembatalan lesen kepada penter-

nak yang gagal mematuhi undang-undang dalam enakmen itu.

Pengerusi Jawatan Kuasa Pembinaan

Perak, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Datuk Mohd Zolkafly Harun ketika mengulung RUU itu dipetik ber-

kata proses peralihan kaedah penternakan unggas secara konvensional iaitu sistem reban terbuka kepada sistem reban tertutup dijangka dilaksana sepenuhnya menjelang 9 Disember 2025.

"Sehingga kini, sebanyak 39 peratus iaitu 203 ladang daripada 516 ladang yang disenyahkan sudah pun beralih kepada sistem reban tertutup," katanya dipetik.

Ikuti penjelasan pihak berkuasa berhubung isu ini dalam terbitan Harian Metro esok.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2023	SINAR HARIAN	NASIONAL	5

Kenaikan harga barang pencetus inflasi makanan

Pakar ekonomi perjelas kenaikan harga barangan pengaruhi kos makanan

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA
SHAH ALAM

Kenaikan harga barang yang tidak terkawal akan menyebabkan berlaku inflasi makanan di negara ini. Pakar ekonomi dari Universiti Tun Abdul Razak, Profesor Barjoyai

Bardai berkata, jika sebelum ini setiap keluarga berbelanja RM900 sebulan, namun ia meningkat selepas berlakunya kenaikan harga barang.

Beliau memberi contoh, perbelanjaan makanan akan meningkat sebanyak 30 peratus sekiranya harga barang mentah naik 30 peratus.

"Saya percaya orang yang paling terkesan dengan kenaikan harga barang ini adalah golongan berpendapatan rendah iaitu mereka yang makan gaji kurang daripada RM2,300.

"Cuba bayangkan kalau sebelum ini mereka hanya memperuntukkan sebanyak RM900 untuk makanan, namun dengan peningkatan sebanyak 30 peratus jumlah tanggungan itu akan menjadi RM1,100.

"Jadi dia punya belanjawan sudah meleset. Bukankah ia akan membebankan?" katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Ahad.

Pada Sabtu, Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Bhd, Datuk Ameer Ali Mydin meminta kerajaan segera campur tangan dalam menangani kenaikan



BARJOYAI

harga barang keperluan rakyat daripada terus melambung di pasaran.

Beliau berkata, masalah bekalan dan harga barangan seperti telur, minyak masak, beras serta bawang sudah lama berlaku dan tidak menolak kemungkinan barangan lain seperti gula juga berdepan masalah sama.

Tegas Barjoyai, inflasi tidak dapat dielakkan kerana ia melibatkan kenaikan

kos barangan luar, namun ia boleh dikurangkan dengan strategi penggantian import.

"Misalnya beras, bila harga makanan ruji rakyat Malaysia itu meningkat sebarang makanan lain juga turut meningkat.

"Jadi kita kena berusaha untuk menambahkan pengeluaran beras tempatan.

"Selain itu, kita juga perlu kurangkan makan makanan yang sedia masak. Kalau boleh beli bahan mentah dan masak sendiri kerana boleh pilih beras yang murah," jelasnya.



Keratan akhbar *Sinar Ahad*.

Krisis beras boleh jadi bom jangka



UNTUNG
RUGI

ANUAR SHAH BALI MAHOMED

Pada 31 Julai lalu, penulis dalam ruangan Untung Rugi, *Sinar Harian* telah memberikan gambaran bahawa negara bakal berhadapan dengan krisis beras disebabkan oleh pelbagai faktor luaran dan juga dalaman.

Penulis ketika itu menekankan berkenaan negara India yang telah mengenakan larangan eksport beras utama. India adalah negara yang menyumbang lebih daripada 40 peratus daripada eksport beras dunia dan ini bermakna larangan eksport berkenaan bakal meningkatkan harga makanan.

Penulis turut menekankan bahawa disebabkan oleh keberagantungan tinggi kepada negara luar, maka amat berisiko berlakunya kenaikan harga beras di dalam negara pada masa akan datang.

Kemuncak kepada isu ini telah menyebabkan krisis melebar dengan

tambahan pelbagai faktor lain yang merumitkan keadaan. Tatkala, peningkatan harga beras import sehingga 36 peratus sebelum ini, beras tempatan pula didapati sukar untuk diperolehi.

Terdapat pelbagai kemungkinan mengapa beras tempatan sukar diperolehi. Ia mungkin kerana faktor permintaan yang jauh lebih tinggi daripada pengeluaran disebabkan oleh sebahagian pengguna beralih daripada membeli beras import kepada beras tempatan. Selain itu, berkemungkinan ia melibatkan tahap kecekapan pembekal atau lebih parah lagi berlakunya aktiviti semunyi beras tempatan di dalam gudang dengan harapan dapat menjualnya selepas harga beras diapungkan.

Pada 5 Jun lalu, penulis dalam ruangan sama dengan artikel bertajuk 'Sediakan payung sebelum hujan' telah menekankan agar kerajaan Pusat dan negeri perlu mempertingkatkan simpanan bank makanan untuk bersedia daripada berhadapan dengan sebarang kemungkinan krisis makanan yang lebih mencabar.

Kita tahu tahun ini lebih ramai penduduk dunia yang akan berhadapan dengan krisis makanan termasuk peningkatan kadar keburluran dan ke-

kurangan bekalan makanan, maka bank makanan ini bertujuan untuk menyimpan makanan yang dapat bertahan lama.

Sekiranya krisis makanan menuncing, maka stok makanan yang disimpan ini boleh disalurkan kepada rakyat.

Ternyata terdapat usaha dan inisiatif awal yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri antaranya kerajaan Terengganu dan pelbagai pihak lain yang terlibat dalam penghasilan Beras Ganu.

Beras keluaran anak syarikat kerajaan negeri ini telah berjaya membekalkan beras tempatan untuk keperluan rakyat dan mendapat permintaan tinggi pengguna ekoran kenaikan harga beras import serta kekurangan beras tempatan lain di pasaran ketika ini.

Inisiatif Beras Ganu boleh dijadikan salah satu contoh dalam membantu kekurangan bekalan beras dan perkara ini juga perlu diperluaskan dalam konteks mengurangkan keberagantungan kepada barangan import. Sebahagian bahan mentah makanan, pengeluarannya boleh dibantu oleh kerajaan sahaja tanpa bergantung kepada negara luar.

Malaysia sebenarnya amat terdedah kepada isu ini lebih-lebih lagi keberagantungan Malaysia terhadap barangan import terutamanya bekalan

makanan amat tinggi. Mengikut laporan daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, sebanyak RM75.54 bilion import makanan dicatatkan pada tahun 2022, berbanding RM63.59 bilion pada 2021 iaitu peningkatan sebanyak 18.7 peratus. Perkara ini perlu dikurangkan melalui pengeluaran di peringkat dalaman.

Selain daripada meningkatkan pengeluaran dalaman, peralihan subsidi melalui kad pengenalan dan e-dompot secara berperingkat juga sesuatu yang boleh dipertimbangkan pelaksanaannya dalam membantu menyelesaikan krisis yang berlaku ketika ini agar ia tidak berlarutan serta merebak ke barangan lain yang akan memberikan lebih tekanan kepada rakyat.

Selain itu, pihak penguasa juga perlu mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang mengambil kesempatan dan menanggung di air keruh terhadap krisis yang berlaku.

Emas suasa emas bersadur;

Dilebur dengan panasan api;

Walaupun musang sedang tidur,

Mengira ayam dalam mimpi.

** Dr Anuar Shah Bali Mahomed ialah Profesor Madya di Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia.*

Kedai runcit 'kering' di Jerantut 'kering' bekalan asas

Beras tempatan, telur serta minyak pekret tak cukup penuhi permintaan

Oleh Roselan Ab Malek
bhnews@bh.com.my

Jerantut: Kebanyakan kedai runcit di daerah ini berdepan isu kekurangan bekalan beras tempatan, telur dan minyak masak pekret sejak beberapa bulan lalu, sekali gus tidak dapat memenuhi permintaan tinggi daripada pengguna.

Pengusaha kedai runcit, Mohd Nor Mahmud, 43, berkata kebanyakan beras yang diedar pembekal ketika ini adalah beras import dan mendakwa bekalan beras tempatan tidak mencukupi.

"Biasanya saya tempah 50 kampak beras seminggu, tetapi

jarang dapat. Setakat ini, selepas dua bulan menunggu, hanya sekali saya dapat 50 kampak, manakala pada minggu-minggu lain, pembekal kata tiada stok.

"Biasanya, pembekal memberi alasan bahawa permintaan beras ketika ini tinggi, selain stok tiada di kilang," katanya sambil memaklumkan pemerhatiannya mendapati kebanyakan beras tempatan, telur dan minyak masak pekret di hantar ke pasar raya.

Beras import tak terjangkau

Katanya, bekalan beras import tidak berdepan masalah kerana harganya bergantung kepada jenama, bukan dikawal, manakala beras putih tempatan dijual pada harga tetap RM26 untuk kampak 10 kilogram.

"Bagaimanapun, harga runcit bagi beras import 10 kilogram turut berdepan kenaikan. Bagi telur dan minyak masak pekret, turut sukar mendapatkan bekalan. Sejak beberapa minggu lalu, saya hanya memperoleh 20 sarang telur dan satu kotak minyak masak pekret.

"Ramai pelanggan tetap me-

ringkut, terutama peniaga kedai makan kerana sukar mendapatkan barangan berkenaan," katanya.

Tinjauan turut mendapati, beberapa pasar raya di bandar ini juga berdepan masalah bekalan beras putih tempatan, telur dan minyak masak pekret, menyebabkan hanya beras import serta telur jenis Omega dijual.

Sementara itu, peniaga kedai makan yang ditemui, mengakui sukar mendapatkan beras tempatan, telur dan minyak masak pekret, sekali gus menyebabkan kos operasi harian meningkat kerana terpaksa membeli beras import serta telur Omega yang lebih mahal.

Kedua-dua itu, katanya, menyebabkan peniaga terpaksa menggunakan pemerhati atau 'pengintip' di pasar raya untuk memaklumkan jika ada stok baharu sampai.

"Namun, apabila stok baharu sampai, pasar raya akan 'disebut' menyebabkan bekalan habis dibeli dalam beberapa jam sahaja," katanya yang enggan dikenali.



Mohd Nor menunjukkan hanya beras import terdapat di kedainya di Jerantut, semalam.

(Foto Roselan Ab Malek/BH)



Tinjauan di sebuah pasar raya turut berdepan masalah bekalan telur.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2023	KOSMO	K2	29



SEKTOR pertanian perlu diperkasakan seiring perkembangan teknologi. GAMBAR HIASAN

MAKMAL pintar UKM-ARB merupakan pusat data bagi mengekstrak maklumat dari ladang fizikal ARB untuk penyelidikan bersama.

Kampus

Oleh FARID AHMAD TARMJI

UKM guna IoT perkasa sektor pertanian

PERTANIAN merupakan sektor yang penting dalam usaha memastikan keterjaminan makanan negara sentiasa mencukupi.

Sektor berkenaan perlu diperkasakan seiring perkembangan dalam bidang teknologi bagi membolehkan kapasiti pengeluaran dapat dipertingkatkan.

Oleh yang demikian, Institut Informatik Visual (IVI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menjalinkan kerjasama strategik dengan ARB Berhad (ARB).

Kerjasama itu bertujuan memperkasakan sektor pertanian dengan penggunaan internet pelbagai benda (IoT).

Kolaborasi tersebut bakal menyaksikan pelaburan naik taraf makmal pintar yang dikenali sebagai 'Smart Command Centre Lab for Smart Farming' dengan nilai hampir RM400,000.

Ketua Program ARB-UKM, Prof. Madya. Dr. Mohammad Nazir Ahmad berkata, makmal pintar itu menjadi pusat data dengan mengekstrak maklumat dari ladang fizikal ARB untuk tujuan penyelidikan bersama.

Menurutnya, makmal itu juga berfungsi sebagai sistem pemantauan dan pengawasan tanaman dari segi pembajaan, penggunaan air dan bahan lain dengan penggunaan sensor.

"Gabungan IoT dan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam sistem pertanian dapat meningkatkan produktiviti, kecekapan tanaman, mengurangkan kos pengeluaran serta tenaga kerja.

"Data yang terkumpul kemudiannya digunakan oleh para penyelidik, pelajar latihan industri dan staf ARB yang menjalankan kajian di peringkat sarjana serta doktor falsafah (PhD) di institut dari semasa ke semasa," katanya.

Tambahnya, ARB-UKM cuba meneroka model baharu kerjasama strategik yang bersifat jangka panjang



NAIB Canselor UKM, Prof. Datuk Gs. Ts. Dr. Mohd. Ekhwan Toriman (tiga dari kiri) menyampalkan cenderamata kepada Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mohammad Yusof Apdal (tiga dari kanan) selepas pelancaran makmal pintar UKM-ARB di UKM baru-baru ini.

dan masing-masing mampu mencapai pulangan pelaburan (ROI) disasarkan.

Dalam pada itu, bagi pulangan pelaburan (ROI) di pihak UKM, mereka menyasarkan pelajar latihan industri yang ditaja ARB akan menjadikan program itu sebagai platform melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dan PhD di UKM.

Mohammad Nazir menjelaskan, ARB pula akan terus menghantar kakitangannya melanjutkan pengajian dan perkongsian pendapatan daripada hasil tanaman IoT dalam bentuk geran industri ARB.

"Selain itu, ROI dari segi pengkomersialan produk-produk kajian ARB-UKM akan dikongsi bersama.

"Para penyelidik juga dianugerahkan

geran industri daripada pihak ARB menerusi pendapatan penajaan melon IOT dan geran khusus industri secara kumulatif melebihi RM97,000," jelasnya.

Tambahnya, pihak IVI juga dalam perancangan untuk memperkenalkan kursus 'Techno-Agro' yang memfokuskan pengajaran bersifat praktikal.

Hal ini membolehkan pelajar didedahkan kepada ilmu tentang pertanian pintar, latihan dan lawatan di semua ladang fizikal ARB.

Ini secara tidak langsung membuka peluang kepada pekerjaan di bawah program keusahawanan kendalian pihak ARB sendiri.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif ARB Berhad, Datuk Seri

Liew Kok Leong berkata, kolaborasi bersama universiti merupakan salah satu agenda penting dalam memperkasakan unit penyelidikan ARB dan mengkomersialkan solusi bersama ARB-UKM.

"Pihak ARB juga membenarkan penyelidik UKM menggunakan semua fasiliti naik taraf bagi kajian dalam bidang seperti IoT, kecerdasan buatan, analitik, pembelajaran mesin dan realiti maya. Ia bagi manfaat peningkatan mutu penyelidikan dalam bidang pertanian pintar untuk jangka panjang.

"Kami juga bersetuju berkongsi pendapatan daripada hasil jualan tanaman IoT kepada pihak IVI dalam perjanjian persefahaman penajaan yang akan dimeterai bersama," katanya.